

ANGKA GILIRAN: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2014/2015

Januari 2015

ATW202 – Kaedah Penyelidikan Perniagaan
[Business Research Method]

Masa: 3 jam
[Duration: 3 hours]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA PULUH SATU** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

*[Please check that this examination paper consists of **THIRTY ONE** pages of printed material before you begin the examination.]*

Arahan: Jawab **LIMA** soalan. Bahagian A dan Bahagian B hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan menggunakan **pensel 2B**. Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll.] Jawapan bagi Bahagian B hendaklah dijawab dalam buku jawapan yang disediakan. Anda dibenarkan menjawab soalan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

[Instructions: Answer **FIVE** questions. Shade your answers for Section A and Section B with **2B pencil** in the provided OMR form. Ensure that your OMR form is completely filled [with your index number, course code, answers to the questions, and etc.] Answers for Section B must be written in the answer scripts provided. You may answer a question either in Bahasa Malaysia or in English.]

“Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada soalan peperiksaan, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.”

[“In the event of any discrepancies, the English version shall be used”.]

ANDA TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA KELUAR KERTAS SOALAN DARI DEWAN PEPERIKSAAN. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.

[YOU ARE NOT ALLOWED TO TAKE THE QUESTION PAPER OUT OF THE EXAMINATION HALL. MAKE SURE YOU WRITE DOWN YOUR INDEX NUMBER].

Bahagian A: Soalan objektif untuk soalan 1 hingga 20.**Section A: Objective questions for question 1 until question 20.**Soalan 1/Question 1 (40 markah/marks)

1. Data was analyzed and it showed that: a salesperson's performance is directly and positively related to the salesperson's level of education. This is an example of what type of research?

- A. Descriptive
- B. Reporting
- C. Predictive
- D. Explanatory
- E. Experimental

Data dianalisis dan ia menunjukkan bahawa: prestasi jurujual berkait secara langsung dan berhubungan positif dengan tahap pendidikan jurujual. Berdasarkan contoh yang diberikan, kenal pasti jenis penyelidikan tersebut?

- A. Deskriptif
- B. Pelaporan
- C. Ramalan
- D. Penjelasan
- E. Uji Kaji

2. Business research may be considered unnecessary when _____.

- A. management has insufficient resources to conduct an appropriate study
- B. the risk associated with the decision at hand is low
- C. the information is applicable to the critical decision
- D. both a and b
- E. both a and c

Penyelidikan perniagaan dianggap tidak perlu apabila _____.

- A. pengurusan tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menjalankan kajian yang sesuai
- B. risiko yang berkaitan dengan keputusan di tangan adalah rendah
- C. maklumat yang berkenaan berguna untuk membuat keputusan yang kritikal
- D. kedua-dua a dan b
- E. kedua-dua a dan c

3. Research should be designed such that participants do not experience _____.

- A. physical harm
- B. discomfort
- C. embarrassment
- D. loss of privacy
- E. all of the above

Penyelidikan perlu direka supaya peserta tidak mengalami _____.

- A. ancaman fizikal
- B. rasa tidak selesa
- C. keaiban
- D. kehilangan privasi
- E. semua di atas

4. Which of the following is an appropriate use of deception in research?

- A. To collect data to compile lists for selling something
- B. To develop competitive intelligence
- C. To collect personal information for fraudulent purposes
- D. To prevent biasing the respondents
- E. All of the above

Antara berikut yang manakah penggunaan penipuan yang bersesuaian dalam penyelidikan?

- A. Mengumpul data serta senarai untuk menjual sesuatu
- B. Membangunkan kepintaran kompetitif
- C. Mengumpul maklumat peribadi untuk tujuan penipuan
- D. Untuk mengelakkan memencong responden
- E. Semua di atas

5. _____ is a form of argument that purports to be conclusive - the conclusion must necessarily follow from the reasons given.

- A. Induction
- B. Deduction
- C. Logic
- D. Philosophy
- E. Exposition

_____ adalah satu bentuk hujah yang berupa muktamad - kesimpulan yang dibuat perlu mengikut sebab yang diberikan.

- A. Induksi
- B. Deduksi
- C. Logik
- D. Falsafah
- E. Penjelasan

6. Concepts are more _____, while constructs are more _____.

- A. concrete; abstract
- B. abstract; concrete
- C. intangible; tangible
- D. conceptual; factual
- E. intuitive; logical

Konsep adalah lebih _____, manakala konstruk adalah lebih _____.

- A. kukuh; abstrak
- B. abstrak; kukuh
- C. tidak ketara; ketara
- D. berasaskan konsep; berasaskan fakta
- E. intuitif; logik

7. All of the following are possible goals of an exploratory study **except** _____.

- A. discover future research tasks
- B. expand understanding of a topic
- C. test hypotheses
- D. provide insight
- E. develop hypotheses

Semua yang berikut adalah matlamat kemungkinan kajian exploratori kecuali _____.

- A. mencari tugas untuk penyelidikan masa hadapan
- B. memperluaskan pemahaman bidang yang dikaji
- C. menguji hipotesis
- D. memberi gambaran kajian
- E. menghasilkan hipotesis

8. The primary difference between a monitoring study and a communication study is that in a communication study, the researcher _____.

- A. observes participants
- B. documents activities without eliciting direct responses
- C. asks questions of participants
- D. collects data
- E. records information over a period of time

Perbezaan utama antara kajian pemantauan dan kajian komunikasi adalah di dalam kajian komunikasi, penyelidik _____.

- A. memerhatikan peserta
- B. mendokumentasi aktiviti tanpa memperlihatkan tindak balas langsung
- C. menyoal peserta
- D. mengumpul data
- E. merekodkan maklumat sepanjang tempoh masa

9. Surveys are used in _____ research studies.

- A. monitoring
- B. communication
- C. observation
- D. behavioral observation
- E. nonbehavioral observation

Tinjauan digunakan dalam kajian penyelidikan _____

- A. pemantauan
- B. komunikasi
- C. pemerhatian
- D. pengamatan tingkah laku
- E. pengamatan bukan tingkah laku

10. The failure to secure full participant cooperation for a study can result in _____ error.

- A. measurement
- B. instrumentation
- C. data entry
- D. sampling
- E. nonresponse

Kegagalan untuk mendapatkan kerjasama penuh peserta untuk kajian yang boleh menyebabkan ralat _____.

- A. pengukuran
- B. instrumentasi
- C. kemasukan data
- D. pensampelan
- E. tiada maklum balas

11. What is the goal of measurement in research?

- A. To reflect both quantitative and qualitative concepts
- B. To provide the highest-quality, lowest error data for data analysis
- C. To describe, explain, and make predictions based on the information
- D. To attach meaning to symbols
- E. To specify the empirical information needed

Apakah matlamat pengukuran dalam penyelidikan?

- A. Untuk memberikan gambaran tentang konsep kuantitatif dan kualitatif
- B. Untuk menyediakan data berkualiti tinggi, mempunyai ralat rendah untuk dianalisis
- C. Untuk memperihai, menerangkan and membuat telahan berdasarkan maklumat diperolehi
- D. Untuk melampirkan makna kepada simbol-simbol
- E. Untuk menyatakan maklumat empirikal yang diperlukan

12. Which of the following is not an example of an object?

- A. Attitude
- B. Furniture
- C. Dog
- D. Class affiliation
- E. Weight

Antara berikut yang manakah bukan contoh objek?

- A. Sikap
- B. Perabot
- C. Anjing
- D. Keahlian kelas
- E. Berat

13. A conative basis for an attitude means that the attitude is based on a _____.

- A. feeling
- B. behavior
- C. value
- D. culture
- E. belief

Asas konatif untuk sikap bermaksud sikap adalah berdasarkan _____.

- A. perasaan
- B. tingkah laku
- C. nilai
- D. budaya
- E. kepercayaan

14. The assignment of numbers or symbols to a property of objects according to value or magnitude is called _____.

- A. measurement
- B. scaling
- C. weighing
- D. sampling
- E. coding

Penetapan nombor atau simbol kepada sifat bahan mengikut nilai atau magnitud dipanggil _____.

- A. pengukuran
- B. penskalaan
- C. menimbang
- D. pensampelan
- E. Pengekodan

15. A(n) _____ question is one designed to conceal the question's and the study's true purpose.

- A. undisguised
- B. disguised
- C. unstructured
- D. structured
- E. projective

Soalan_____ adalah direka untuk menyembunyikan persoalan dan tujuan sebenar kajian.

- A. terus terang
- B. penyamaran
- C. tidak berstruktur
- D. berstruktur
- E. projektif

16. Which of the following terms is used to refer to questionnaires used in personal interviews?

- A. Administrative questions
- B. Interview schedules
- C. Moderator guides
- D. Survey schedules
- E. Interview guides

Istilah yang manakah dari yang berikut merujuk kepada soal selidik yang digunakan dalam temuduga peribadi?

- A. Soalan tadbiran
- B. Jadual temuduga
- C. Panduan moderator
- D. Jadual tinjauan
- E. Panduan temuduga

17. The list of elements in a population from which the sample is actually drawn is known as the _____.

- A. sample frame
- B. population extent
- C. database
- D. sampling base
- E. population directory

Senarai elemen dalam populasi di mana sampel tersebut diambil juga dikenali sebagai _____ itu.

- A. rangka sampel
- B. tahap penduduk
- C. pangkalan data
- D. asas pensampelan
- E. direktori populasi

18. Assuming that the sample frame is appropriate, systematic variance can be minimized in a study by _____.

- A. decreasing the sample size

- B. increasing the sample size
- C. contacting non-respondents
- D. increasing response rates
- E. matching

Dengan andaian bahawa rangka sampel adalah wajar, varians sistematik boleh dikurangkan dalam kajian dengan _____.

- A. mengurangkan saiz sampel
- B. meningkatkan saiz sampel
- C. menghubungi bukan responden
- D. meningkatkan kadar respon
- E. pemadanan

19. All of the following activities **EXCEPT** _____, are included in the data preparation process.

- A. editing
- B. coding
- C. data entry
- D. analyzing frequency distributions
- E. evaluating reliability estimates

Semua aktiviti-aktiviti berikut **KECUALI** _____, termasuk dalam proses penyediaan data.

- A. Pengeditan
- B. Pengekodan
- C. Kemasukan data
- D. menganalisis taburan kekerapan
- E. menilai anggaran kebolehpercayaan

20. _____ involves assigning numbers or other symbols to answers so that the responses can be grouped into a limited number of categories.

- A. Editing
- B. Data entry
- C. Coding
- D. Measurement
- E. Operationalization

_____ melibatkan pemberian nombor atau simbol-simbol lain untuk jawapan agar respon tersebut boleh dikumpulkan ke dalam bilangan kategori yang terhad.

- A. Pengeditan
- B. Kemasukan Data
- C. Pengekodan
- D. Pengukuran
- E. Pengoperasian

Benar/Salah daripada Soalan 21 hingga Soalan 40.
True/False from Questions 21 until Question 40.

1. Business research is more than conducting surveys.

Penyelidikan perniagaan adalah lebih daripada menjalankan tinjauan.

[a] Benar

[b] Salah

2. When ideas can be stated in researchable terms, we reach the analysis stage of the scientific method.

Apabila idea boleh dinyatakan dalam bentuk penyelidikan, kita telah mencapai peringkat analisis kaedah saintifik.

3. The scientific method used by researchers is essentially the same process in business as it is in physical sciences.

Kaedah saintifik yang digunakan oleh penyelidik pada dasarnya adalah proses yang sama dalam perniagaan dan juga dalam kaedah sains fizik.

4. A theory is an abstract, untestable explanation of some events.

Teori merupakan sesuatu yang abstrak, ia tidak dapat menjelaskan kejadian tertentu.

5. A concept is a formal statement explaining some outcome.

Konsep adalah satu kenyataan rasmi yang menjelaskan kesudahan tertentu.

6. In most scientific situations there are alternative theories to explain certain phenomena.

Dalam kebanyakan keadaan saintifik terdapat teori-teori alternatif yang menjelaskan fenomena tertentu.

7. The process of identifying the actual measurement scales to assess the variables of interest is known as concretizing.

Proses mengenal pasti ukuran sebenar skala yang menilai pembolehubah penting dikenali sebagai "concretizing".

8. Descriptive studies are conducted with a considerable understanding of the situation being studied.

Kajian deskriptif dilakukan dengan pemahaman mendalam tentang situasi yang sedang dikaji.

9. Theories are derived from deductive reasoning and selective reasoning.

Teori diperolehi daripada penaakulan deduktif dan penaakulan terpilih.

10. The first step in the scientific method is to formulate concepts and propositions.

Langkah pertama dalam kaedah saintifik adalah merumuskan konsep dan cadangan.

11. An experiment is a carefully controlled study in which the researcher manipulates a proposed cause and observes any corresponding change in the proposed effect.

Eksperimen merupakan kajian yang dikawal teliti, di mana penyelidik memanipulasi punca yang dicadangkan serta memerhatikan perubahan sepadan dengan kesan yang dicadangkan.

12. Coding is the application of reasoning to understand the data that have been gathered.

Pengkodan adalah aplikasi penaaakulan yang digunakan untuk memahami data yang telah dikumpul.

13. The purpose of exploratory research is to refine and narrow the scope of the research topic.

Tujuan kajian penerokaan adalah untuk menghalusi dan mengecilkan skop topik penyelidikan.

14. When a sudden change in the business situation takes place, it can be easier to define the problem.

Apabila perubahan mendadak berlaku dalam sesuatu perniagaan, masalah tersebut lebih mudah dikenal pasti.

15. Secondary data require current access to respondents who provided the data.

Data sekunder memerlukan akses semasa kepada responden yang memberikan data tersebut.

16. All survey research is conducted with consumers.

Semua kajian tinjauan dijalankan dengan pengguna.

17. One of the most important advantages of personal interviews is the opportunity for feedback.

Salah satu kelebihan yang paling penting dalam wawancara peribadi adalah peluang untuk mendapatkan maklum balas.

18. How we define a construct will affect the way we measure it.

Bagaimana kita menentukan konstruk akan memberi kesan kepada cara kita mengukurnya.

19. There exists a step-by-step process for ensuring accuracy in the wording of questions in surveys.

Terdapat proses yang menunjuk langkah demi langkah bagi memastikan ketepatan susunan kata dalam soalan kaji selidik.

20. The first stage in the selection of a sample is to determine the sampling frame.

Langkah pertama dalam pemilihan sampel adalah menentukan rangka pensampelan.

Bahagian B: Soalan Senario.
Section B: Scenario questions.

Soalan 2/Question 2 (10 markah/marks)

Berdasarkan kepada senario yang diberikan di bawah, nyatakan bagaimana seorang penyelidik harus merekabentuk penyelidikan dengan menentukan setiap dari yang berikut: **(dengan memberikan sebab)**.

Sebuah syarikat multinasional besar menubuhkan syarikat usaha sama di Tanah Merah, Kelantan. Mereka mengupah ramai pekerja tempatan dan ini meningkatkan keadaan ekonomi di bandar ini. Baru-baru ini mereka mula mengalami masalah berulang. Jabatan pengeluaran di organisasi ini mempunyai kadar peralihan pekerja yang tinggi; kakitangan jabatan ini mempunyai tempoh purata yang lebih pendek berbanding dengan jabatan lain dalam syarikat yang sama. Pekerja mahir meninggalkan syarikat dan populasi pekerja mengandungi peratusan yang tinggi pekerja baru. Encik Ahmad pengurus yang bertanggungjawab tidak tahu apa yang sedang berlaku dan mahu tahu lebih lanjut mengenai apa yang berlaku. Beliau menggunakan khidmat seorang pakar runding untuk melakukan kajian ini untuk beliau.

- (a) Tujuan Penyelidikan. [2 markah]
- (b) Sejauh mana campurtangan (kuasa) penyelidik. [2 markah]
- (c) Persekitaran Kajian. [2 markah]
- (d) Dimensi Masa. [2 markah]
- (e) Unit analisis. [2 markah]

Based on the scenario given, please state how the researcher can devise a research design by looking at each of the criteria listed below. (Please give reason why).

A big multinational company set up a joint venture company in Tanah Merah, Kelantan. They hired many local employees and this improved the economic condition in this town. Recently they began to experience some recurring problems. The manufacturing department in this organization has a high turnover rate; employees of this department have a shorter average tenure than those of other department in the same company. Skilled workers are leaving and the worker population contains a high percentage of novice workers. Mr Ahmad the manager in charge has no idea what is going on and wants to know more about what is happening. He engages a consultant to do a study for him.

- (a) *Purpose of Research.* [2 marks]
- (b) *Extent of researcher interference.* [2 marks]
- (c) *Research Environment.* [2 marks]
- (d) *Time Dimension.* [2 marks]
- (e) *Unit of analysis.* [2 marks]

Soalan 3/Question 3 (10 markah/marks)

Penyelidikan telah mendapati bahawa terdapat hubungan antara pusingan kerja, pengalaman dan yang paling penting adalah ketersediaan manual rujukan untuk diakses oleh pekerja pembuatan dan produk rosak. Apabila pekerja mengeluarkan produk yang ada dalam manual ini; mereka mampu untuk mengeluarkan produk yang sempurna. Walaupun hubungan ini boleh dikatakan benar secara am bagi semua pekerja, ia bagaimanapun bergantung pada kecenderungan atau keinginan pekerja untuk meneliti manual setiap kali prosedur baru mula diguna pakai. Dalam erti kata lain, hanya mereka yang mempunyai kecenderungan atau keinginan untuk merujuk kepada manual setiap kali proses baru diperkenalkan akan menghasilkan produk tanpa cacat. Mereka yang tidak merujuk kepada manual tidak akan mendapat manfaat dan akan terus menghasilkan produk yang rosak. Ini seterusnya akan membawa kepada kerugian produktiviti individu.

Berdasarkan keterangan di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah masalah penyelidikan? [2 markah]
- (b) Bentuk satu kerangka teori yang bersesuaian. [4 markah]
- (c) Bentuk 4 hipotesis yang akan diuji. [4 markah]

It has been found that there is a relationship between job rotations, experience and the most important is the availability of reference manuals that manufacturing employees have access to and the product rejects. That is when workers are able to manufacture products in the manual; they are able to manufacture products that are flawless. Although this relationship can be said to hold true generally for all employees, it is nevertheless contingent on the inclination or urge of the employees to look into the manual every time a

new procedure is to be adopted. In other words, only those who have the interest and urge to refer to the manual every time a new process is adopted will produce flawless products. Others who do not consult the manual will not benefit and will continue to produce defective products. This will in turn lead to productivity loss for the individual.

Based on the description given above, answer the following questions.

- (a) *What is the research problem?* [2 marks]
- (b) *Develop a suitable research framework.* [4 marks]
- (c) *Develop 4 hypotheses to be tested.* [4 marks]

Soalan 4/Question 4 (20 markah/marks)

Dengan memberikan **contoh yang sesuai**, terangkan setiap yang berikut:

- (a) Bincangkan 4 sumber maklumat yang boleh digunakan apabila membuat keputusan . [4 markah]
- (b) Bezakan antara teori dan model dengan memberikan contoh yang sesuai. [4 markah]
- (c) Apakah kumpulan fokus dan bilakah ia sesuai untuk digunakan ? [4 markah]
- (d) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan kesahihan berkaitan kriteria dan bagaimana ia boleh dinilai? [4 markah]
- (e) Mengapa pensampelan lebih diutamakan berbanding banci? Terangkan . [4 markah]

By giving *suitable examples*, explain each of the following:

- (a) Discuss 4 sources of information that can be utilized when making decisions.
[4 marks]
- (b) Distinguish between theory and model by giving appropriate examples.
[4 marks]
- (c) What is a focus group and when is it suitable to be used?
[4 marks]
- (d) Explain what criterion related validity is and how it can be assessed?
[4 marks]
- (e) Why is sampling preferred over census? Explain.
[4 marks]

Soalan 5/Question 5 (20 markah/marks)

Syarikat Telekom Malaysia Berhad ingin membentuk model penggunaan jalur lebar di kalangan pengguna runcit. Pengurus mengumpul data berkaitan 4 pembolehubah yang telah dikenal pasti mempengaruhi keinginan untuk mengguna (**INTENTION**) di kalangan pengguna runcit. Persepsi Kebergunaan (**PU**), Persepsi Kesenangan Mengguna (**PEU**), Tanggapan Kawalan (**PBC**) dan Risiko (**RISK**). Pasukan jualan telah mengumpul data daripada 200 orang pengguna runcit dan maklumat yang diperolehi dibentangkan dalam jadual di bawah:

ID	PU	PEU	INTENTION	PBC	RISK
1	5.50	5.80	4.25	5.25	5.60
2	1.00	1.00	1.00	1.00	4.60
3	7.00	5.20	4.75	5.50	4.80
4	6.17	5.60	6.25	5.50	5.00
5	4.33	4.20	3.25	4.00	4.80
.
.
.
196	2.00	5.00	4.00	4.75	6.00
197	5.33	4.00	2.00	3.50	6.00
198	2.67	3.00	3.00	3.00	5.00
199	5.83	6.00	5.75	5.00	4.80
200	4.83	4.20	3.00	5.00	5.80

Penjelasan mengenai pembolehubah

PU	:	Persepsi Kebergunaan
PEU	:	Persepsi Kesenangan Mengguna
PBC	:	Tanggapan Kawalan
RISK	:	Risiko

MULTIPLE REGRESSION ANALYSIS**Regression****Variables Entered/Removed^a**

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	RISK, PEU, PU, PBC ^b	.	Enter

a. Dependent Variable: INTENTION

b. All requested variables entered.

Model Summary^b

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Durbin-Watson
1	.791 ^a	.625	.621	.74316	1.692

a. Predictors: (Constant), RISK, PEU, PU, PBC

b. Dependent Variable: INTENTION

ANOVA^a

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	363.475	4	90.869	164.532	.000 ^b
	Residual	218.153	395	.552		
	Total	581.627	399			

a. Dependent Variable: INTENTION

b. Predictors: (Constant), RISK, PEU, PU, PBC

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Collinearity Statistics	
		B	Std. Error	Beta			Tolerance	VIF
1	(Constant)	.217	.263		.824	.411		
	PU	.273	.046	.252	5.949	.000	.528	1.894
	PEU	.450	.053	.405	8.501	.000	.419	2.386
	PBC	.235	.048	.239	4.883	.000	.396	2.526
	RISK	-.055	.040	-.045	-1.377	.169	.876	1.142

a. Dependent Variable: INTENTION


Collinearity Diagnostics^a

Model	Dimension	Eigenvalue	Condition Index	Variance Proportions				
				(Constant)	PU	PEU	PBC	RISK
1	1	4.864	1.000	.00	.00	.00	.00	.00
	2	.073	8.174	.03	.03	.04	.07	.27
	3	.033	12.104	.11	.21	.00	.42	.13
	4	.018	16.330	.02	.49	.75	.12	.01
	5	.011	20.591	.83	.27	.20	.39	.58


a. Dependent Variable: INTENTION

Histogram

Dependent Variable: INTENTION






Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual
Dependent Variable: INTENTION





Scatterplot

Dependent Variable: INTENTION







Berdasarkan output di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Bolehkah kita membentuk suatu persamaan regresi?
[2 markah]
- (b) Tentukan persamaan regresi yang terbaik.
[2 markah]
- (c) Bentuk dan uji 4 hipotesis pada aras keertian 1%:
 - Terdapat perhubungan positif antara 'PU' dengan 'INTENTION'
 - Bila 'PEU' meningkat maka 'INTENTION' juga akan meningkat
 - Terdapat perhubungan positif antara 'PBC' dengan 'INTENTION'
 - Bila 'RISK' meningkat maka 'INTENTION' akan menurun
[8 markah]
- (d) Tafsir koefisien penentuan yang diperolehi.
[2 markah]
- (f) Adakah semua andaian analisis telah dipenuhi? Jika tidak, nyatakan bagaimana andaian itu boleh dinilai.
[3 markah]
- (g) Tulis satu laporan ringkas bagaimana Syarikat Telekom Malaysia Berhad boleh mentafsir hasil ini.
[3 markah]

Telekom Malaysia Berhad would like to model the broadband adoption among its retail users. The manager collects data about 4 variables that has been identified to influence the INTENTION to use of these retail users. Perceived Usefulness (PU), Perceived Ease of Use (PEU), Perceived Behavioural Control (PBC) and Risk (RISK). The sales team have collected data from 200 retail users and the information is presented in the table below:

ID	PU	PEU	INTENTION	PBC	RISK
1	5.50	5.80	4.25	5.25	5.60
2	1.00	1.00	1.00	1.00	4.60
3	7.00	5.20	4.75	5.50	4.80
4	6.17	5.60	6.25	5.50	5.00
5	4.33	4.20	3.25	4.00	4.80
.
.
.

196	2.00	5.00	4.00	4.75	6.00
197	5.33	4.00	2.00	3.50	6.00
198	2.67	3.00	3.00	3.00	5.00
199	5.83	6.00	5.75	5.00	4.80
200	4.83	4.20	3.00	5.00	5.80

Explanation of the Variables

<i>PU</i>	:	<i>Perceived Usefulness</i>
<i>PEU</i>	:	<i>Perceived Ease of Use</i>
<i>PBC</i>	:	<i>Perceived Behavioral Control</i>
<i>RISK</i>	:	<i>Risk</i>

MULTIPLE REGRESSION ANALYSIS

Regression

Variables Entered/Removed^a

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	RISK, PEU, PU, PBC ^b	.	Enter

a. Dependent Variable: INTENTION

b. All requested variables entered.

Model Summary^b

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Durbin-Watson
1	.791 ^a	.625	.621	.74316	1.692

a. Predictors: (Constant), RISK, PEU, PU, PBC

b. Dependent Variable: INTENTION

ANOVA^a

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	363.475	4	90.869	164.532	.000 ^b
	Residual	218.153	395	.552		
	Total	581.627	399			

a. Dependent Variable: INTENTION

b. Predictors: (Constant), RISK, PEU, PU, PBC

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Collinearity Statistics	
		B	Std. Error	Beta			Tolerance	VIF
1	(Constant)	.217	.263		.824	.411		
	PU	.273	.046	.252	5.949	.000	.528	1.894

PEU	.450	.053	.405	8.501	.000	.419	2.386
PBC	.235	.048	.239	4.883	.000	.396	2.526
RISK	-.055	.040	-.045	-1.377	.169	.876	1.142

a. Dependent Variable: INTENTION


Collinearity Diagnostics^a

Model	Dimension	Eigenvalue	Condition Index	Variance Proportions				
				(Constant)	PU	PEU	PBC	RISK
1	1	4.864	1.000	.00	.00	.00	.00	.00
	2	.073	8.174	.03	.03	.04	.07	.27
	3	.033	12.104	.11	.21	.00	.42	.13
	4	.018	16.330	.02	.49	.75	.12	.01
	5	.011	20.591	.83	.27	.20	.39	.58


a. Dependent Variable: INTENTION

Histogram

Dependent Variable: INTENTION






Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual
Dependent Variable: INTENTION





Scatterplot

Dependent Variable: INTENTION







Based on the output given, answer the following questions:

- (a) Can we develop a regression equation based on the results of the analysis?
[2 marks]
- (b) Determine the best fitting regression equation.
[2 marks]
- (c) Develop and test these 4 hypotheses at the 1% level:
- There is a positive relationship between **PU** and **INTENTION**
 - When **PEU** increases the **INTENTION** will also increase
 - There is a positive relationship between **PBC** and **INTENTION**
 - When **RISK** increases then **INTENTION** will reduce
- [8 marks]
- (d) Interpret the coefficient of determination.
[2 marks]
- (d) Has all the assumptions of the analysis been met? If not, explain how they can be assessed.
[3 marks]
- (f) Write a short report on how Syarikat Telekom Malaysia Berhad can interpret the results.
[3 marks]